

## **Bantuan Australia Terhadap Malaysia Semasa Konfrontasi Indonesia, 1963-1966**

*(Australian Aid to Malaysia During the Indonesian Confrontation, 1963-1966)*

Abdul Rahman Mad Ali @ Abang

Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang,  
Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [manabdulrahman@usm.my](mailto:manabdulrahman@usm.my)

Diserah: 23 Mei 2023

Diterima: 13 Jun 2023

**Abstrak:** Konfrontasi Indonesia Malaysia 1963-1966 telah melakar sejarah ketenteraan buat Sejarah Malaysia yang baru dibentuk terpaksa berdepan dengan ancaman kedaulatan dari negara jiranya Indonesia. Penubuhan Malaysia telah mendapat tentangan hebat dari Rejim Sukarno yang mendakwah bahawa Malaysia adalah neo-kolonialisme barat untuk mengancam kedaulatan Negara Kesatuan Republik Indonesia (NKRI). Tindakan subversif telah dilancarkan dengan menceroboh dan menyerang pos pertahanan Malaysia di sempadan Borneo-Kalimantan Indonesia melibatkan sempadan Sarawak-Kalimantan Barat (Kalbar) dan sempadan Sabah-Kalimantan Timur (Kaltim). Kajian ini bertujuan untuk mendedahkan bantuan ketenteraan Australia kepada Malaysia. Kaedah kajian yang digunakan ialah kajian kepustakaan dan kajian Arkib. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Malaysia telah mengaktifkan perjanjian pertahanan yang telah dimeterai di bawah perjanjian *Anglo Malayan Defences Agreement* (AMDA) yang terdiri daripada Malaysia, British, Australia (1957 dan 1963). Implikasi kajian ini mengguguhkan pertahanan Malaysia bagi menangani ancaman percerobohan dan serangan tentera Indonesia. Menyedari akan hakikat itu, maka penelitian ini lebih memfokuskan kepada penglibatan tentera Australia dalam upaya membantu pertahanan Malaysia khususnya di wilayah sempadan Borneo.

**Kata kunci:** konfrontasi; Australia; operasi claret; Sabah; Sarawak

**Abstract:** The Indonesian-Malaysian confrontation of 1963-1966 has drawn military history for Malaysian history. The newly formed Malaysia had to face the threat of sovereignty from its neighboring country Indonesia. The establishment of Malaysia has received strong opposition from the Sukarno Regime who claimed that Malaysia is a western neo-colonialism to threaten the sovereignty of the Union State of the Republic of Indonesia (NKRI). Subversive actions have been launched by invading and attacking Malaysian defense posts on the Indonesian Borneo-Kalimantan border involving the Sarawak-West Kalimantan (Kalbar) border and the Sabah-East Kalimantan (Kaltim) border. This study aims to reveal Australia's military aid to Malaysia. The research methods used are bibliography and archival research. The findings of the study show that Malaysia has activated the defense agreement that was signed under the Anglo Malayan Defense Agreement (AMDA) consisting of Malaysia, the British, and Australia (1957 and 1963). The implication of this study is to strengthen Malaysia's defense to deal with the threat of invasion and attack by the Indonesian army. Aware of that fact, this research focuses more on the involvement of the Australian military in an effort to help Malaysia's defense, especially in the Borneo border region..

**Keywords:** confrontation; Australia; claret operation; Sabah; Sarawak

## Pendahuluan

Pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 merupakan detik bersejarah bagi rantau Asia Tenggara (Mackie, 1974). Perjanjian pembentukan Malaysia telah mendapat pengiktirafan antarbangsa, namun terdapat juga beberapa negara jiran yang menentangnya (Muniandi, 1996). Penentangan yang lebih ketara membantah pembentukan Malaysia datangnya dari Indonesia (Douglas, 1965) Negara tetangga ini menentang pembentukan Malaysia pada peringkat awal secara propaganda politik yang beranggapan Malaysia adalah satu bentuk penjajahan baru atau neo-kolonialisme. Presiden Sukarno dengan lantang telah melancarkan dasar ‘Konfrontasi’ yang kemudiannya dikenali dengan kempen ‘Ganyang Malaysia’ (Nik Mahmud, 2000; Hussin, 2022). Wilayah Malaysia di Borneo sempadan Sarawak dan sempadan Sabah telah diceroboh oleh tentera Indonesia secara subversif telah mengancam kedaulatan Malaysia (Syed Omar Syed Othman, 1999). Ancaman Indonesia ini telah memaksa Malaysia mengaktifkan perjanjian pertahanannya dengan British atau lebih dikenali sebagai *Anglo Malaysia Defence Agrement* (AMDA) 1963. Terma dalam perjanjian tersebut sekiranya ada pihak luar menyerang Malaysia, British akan membantu. Situasi Konfronyasi di Borneo memperlihatkan adanya tindak subversif tentera Indonesia menyerang pos keselamatan pertahanan di kawasan sempadan Sarawak dan Sabah. Rentetan dari itu, British telah merencanakan satu bentuk operasi ketenteraan yang kemudian dikenali sebagai ‘Operasi Claret’ sebagai tindak balas subversif tentera Indonesia di sempadan antarabangsa Malaysia di Borneo dengan Kalimantan, Indonesia (Will Flower, 2006; van der Bijl, 2007). Sempadan antarabangsa Malaysia di Borneo lebih tertumpu di sempadan darat antara sempadan Sabah-Kalimantan Timur (Kaltim) dan Sempadan Sarawak-Kalimantan Barat (Kalbar), Indonesia.

## Metodologi

Kaedah dan bahan yang digunakan dalam penulisan ini ialah kualitatif secara diskriktif. Kajian kepustakaan dilakukan bagi merujuk kajian terdahulu terkait berdasarkan penelitian kepada sumber primer dan sumber sekunder antaranya buku, jurnal, dan tesis di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Tun Fuad Stephen, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaya. Kajian arkib juga turut digunakan khususnya meneliti dokumen, surat dan akhbar sezaman dengan peristiwa Konfrontasi. Kerja lapangan di kawasan sempadan bagi tujuan pemerhatian turut dilaksanakan. Berdasarkan penelitian di lapangan di kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan Barat (Kalbar) dan sempadan Sabah-Kalimantan Timur (Kaltim) mendapati masih ada tinggalan sejarah yang membuktikan keterlibatan tentera Australia di kawasan sempadan.

## Kajian Literatur

Tindakan agresif Indonesia ini telah dipandang serius oleh British. Keterlibatan British dalam konfrontasi yang turut dibantu oleh negara Komenwel lain seperti Australia dan New Zealand telah memberikan bantuan ketenteraan kepada Malaysia. Keadaan ini perlu memandangkan Malaysia masih dalam usaha pembangunan dalam aspek pertahanannya. Semasa berdepan dengan Konfrontasi Malaysia masih dalam proses pembentukan Angkatan tenteranya. Malaysia masih belum memiliki pasukan kapal terbang pengempur udara untuk mempertahankan ruang udara Malaysia ketika itu. Begitu juga dengan tentera laut, Malaysia menghadapi kekurangan kapal tentera laut. Malah dari segi bilangan anggota tentera darat pun Malaysia masih belum mencukupi untuk berdepan dengan sebarang kemungkinan berlakunya perang dengan Indonesia. Kepentingan British di Malaysia juga perlu diambil kira disamping ikatan perjanjian Anglo-Malaya Defence Agreement (AMDA) yang telah ditandatangani menjadi tanggungjawab British memberi bantuan ketenteraan kepada Malaysia. Selain itu, Amerika Syarikat juga turut terlibat dalam usaha menyelesaikan Konfrontasi Indonesia-Malaysia bagi mengelakkan kemungkinan akan tercetusnya perang yang pastinya akan menjadikan rantau Asia Tenggara dalam keadaan tidak aman (Subritzky, 2000). Hal ini dikhuatiri oleh Amerika Syarikat berikutan pengaruh Komunis di Vietnam akan menular ke Malaysia. Malah, pengaruh kuat PKI di Indonesia mengukuhkan perkiraan Barat yang menyatakan teori domino akan berlaku di rantau Asia Tenggara.

Dasar pertahanan British di Malaya bagi jangkasa sepuluh tahun selepas Perang Dunia Kedua telah memeteraikan perjanjian AMDA, pertubuhan Australia-New Zealand And Malayan Area (ANZAM) dan juga pakatan *Southeast Asia Treaty Organisation* (SEATO) (van der Bijl, 2007; Dahana, 2002). Kerjasama

Persekutuan Tanah Melayu-Britain bermula pada 3 Oktober 1957 sebaik sahaja mencapai kemerdekaan daripada British (David, 2004; Chin Kin Wah, 1983). Sebelum Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman telah menandatangani satu perjanjian pertahanan luar dengan pihak kerajaan Britain pada 12 Ogos 1957. Perjanjian ini dikenali sebagai Perjanjian Pertahanan Britain-Persekutuan Tanah Melayu atau pun *Anglo Malayan Defence Agreement* (AMDA). Perjanjian pertahanan ini telah banyak membantu Malaysia dalam mengukuhkan sistem pertahanan didalam dan luar. Britain dan Persekutuan Tanah Melayu berjanji akan saling membantu di antara satu dengan lain terhadap keselamatan di Tanah Melayu atau terhadap kepentingan Britain di kawasan Timur Jauh.

Di samping dua kuasa itu perjanjian AMDA juga melibatkan Australia, New Zealand sebagai sekutu kepada Britain yang bertindak sebagai pemerhati (Lyon, 1972). Ikatan AMDA ini memperlihatkan hubungan antara ‘Provider’s (*British-Anchor Power*) dengan ‘Consumer’s (Malaya) dari segi pertahanan (Lyon, 1972; Subritzky, 2000). Kewujudan AMDA adalah kerana latar belakang politik dunia yang bercorak ‘bipolar’ iaitu satu-satu negara akan memihak kepada blok Barat atau blok Timur dari segi lingkungan kepentingannya. Terdapat tiga sebab yang utama AMDA dimeterai:

- i. Bagi mengawal Malaya daripada pemberontakan Komunis.
- ii. Bagi menjamin pertahanan luar Malaya, Singapura dan wilayah Britain yang lain di Asia Tenggara.
- iii. Britain, Australia dan New Zealand telah mempunyai kepentingan pertahanan di kawasan Malaya sebelum AMDA iaitu ANZAM (Australia, New Zealand, and United Kingdom)

Pada era pendudukan Jepun, Australia turut terlibat dalam mempertahankan Malaya dan Singapura. Dalam masa yang sama New Zealand juga terlibat khususnya pada Disember 1940 apabila telah menghantar satu battalion Infantri ke Malaya. Selain itu, Australia pula dilihat melalui ANZAM sejak tahun 1949 lagi untuk menentang komunis (Tuck, 2013). Pada awal bulan Mei 1950 kerajaan Menzies telah menghantar satu skuadron kapal terbang Dakota ke Malaya. Pada akhir tahun 1955, satu batalion tentera Australia telah mulai berkhidmat bersama-sama satu *Squadron New Zealand* (SAS).

Masalah pertahanan yang telah membawa kepada termeterainya AMDA ini telah dibincangkan oleh Tunku Abdul Rahman semasa delegasi ke London pada tahun 1959 dalam usaha mendapatkan pengiktirafan kemerdekaan. Tunku Abdul Rahman telah menyetujui agar melepaskan soal pertahanan luar dan hal ehwal luar ke tangan British untuk sementara waktu sehingga kemerdekaan penuh disyiharkan (Chin, 1983). AMDA ini pada peringkat awalnya dikhaskan hanya untuk Malaya sahaja. Britain mempunyai Pengkalan utamanya di Singapura bagi kawasan Asia Tenggara tetapi Singapura ketika itu masih dibawah penjajahan British (Gullick, 1967). Britain memberikan jaminan jika lau berlaku perperangan di Timur Jauh yang mengaitkan sama ada kerajaan Persekutuan atau British, kedua-duanya akan berkerjasama antara satu sama lain. Imbuhan jaminan itu kerajaan Persekutuan Tanah Melayu akan membenarkan Britain menggunakan pengkalan-pengkalan dan memberikan hak kepada British untuk meletakkan pasukan tentera laut, darat dan udara termasuk pasukan simpanan Komenwel yang dipersetujui bersama dan mustahak bagi pertahanan luar untuk menuai tanggungjawab Komenwel dengan kebenaran kerajaan Persekutuan (Tuck, 2013).

Britain boleh menggunakan tanah dan laut yang tertentu untuk pengkalan dan latihan, kapal perang British boleh berlabuh di pelabuhan-pelabuhan Persekutuan dengan kebenaran Persekutuan Tanah Melayu. Buruh-buruh tempatan juga boleh digunakan dengan kebenaran persekutuan. Kerajaan Australia dan New Zealand menyokong syarat-syarat perjanjian AMDA yang besar itu dengan mengutuskan surat kepada kerajaan Persekutuan. Keutamaan-keutamaan lain yang diberikan kepada Britian seperti hak untuk membawa letupan dan peluru-peluru melalui pelabuhan. Askar-askar diberi peluang untuk bergerak di seluruh negara. AMDA tidak mempunyai jangka masa tertentu dan ia boleh ditamatkan pada bila-bila masa sahaja oleh kedua-dua pihak (David, 2008; Tuck, 2013). Hubungan pertahanan ini begitu relevan hingga ditekankan oleh Tunku Abdul Rahman melalui ungkapannya, Persekutuan Tanah Melayu tidak boleh berdiri sendiri kalau tidak dengan bantuan British.

Malaysia ketika itu tidak mempunyai angkatan udara, tidak ada sebuah kapal perang pun. Tunku Abdul Rahman juga sanggup dikatakan sebagai mangsa tipu muslihat diplomasi British daripada kemudiannya digelar sebagai orang yang menyerahkan negara ini dan juga penduduknya kepada musuh (Simandjuntak, 1985). Kertas putih rundingan bagi Perjanjian AMDA antara kedua-dua buah negara dijaga dengan habis

cermat bagi menentukan yang taraf Persekutuan sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka sewajarnya dihormati. Suatu kenyataan rasmi menyatakan persetujuan-persetujuan itu bertujuan hendak memulihkan semula pertahanan di Persekutuan dengan segera seperti mana berikut:

*Adalah suatu bahagian yang sesuai untuk melengkapkan perjanjian yang meliputi masa panjang. Perjanjian tersebut membenarkan empat ahli komenwel itu berkerjasama dalam usaha-usaha pertahanan yang bertujuan hendak mengelakkan peperangan dan menjamin perdamaian dan keselamatan supaya ikhtiar-ikhtiar bersama untuk memajukan ikhtisad dan kemakmuran penduduk Persekutuan Tanah Melayu dan dunia bebas dapat dilaksanakan.* (Chin, 1983)

Perjanjian ini akan menyekat sebarang cita-cita untuk merampas Persekutuan Tanah Melayu (Chin, 1983). Perasaan tidak selamat dari serangan luar telah memaksa negeri yang kecil dan besar membuat pakatan dan menandatangani perjanjian pertahanan bersama. Keganasan komunis di Malaya telah menjadi perlu bagi kerajaan Persekutuan membuat perjanjian pertahanan dengan Britain (Jackson, R, 2008). Dengan tidak adanya perjanjian itu Malaya akan terpaksa membelanjakan sekurang-kurangnya 700 juta setahun untuk pertahanan. Perjanjian itu boleh dipinda dan dihapuskan pada bila-bila masa sahaja apabila ia tidak mustahak (Chin, 1983). Hasil daripada perjanjian itu ramai tentera Malaysia baik tentera laut ataupun darat telah dihantar berlatih di maktab-maktab tentera di Britain.

### 1. Bantuan Tentera Australia Semasa Konfrontasi Indonesia

Bantuan tentera Australia kepada Malaysia jelas apabila British melakasankan satu operasi khusus di sempadan Malaysia di Borneo. Australia salah satu negara yang turut memberikan bantuan ketenteraan kepada Malaysia bagi membendung pencerobohan dan serangan tentera Indonesia di kawasan sempadan khususnya sempadan Sarawak-kalbar dan sempadan Sabah-Kaltim. Operasi Claret ini mengenai perlaksanaan Operasi Claret itu di kawasan sempadan Malaysia-Indonesia di Borneo. Hal secara tidak langsung merupakan penjelaskan kepada persoalan kajian mengenai bagaimana Operasi Claret ini dilaksanakan dalam membendung pencerobohan dan serang tentera Indonesia ke atas wilayah sempadan Malaysia khususnya sempadan Sabah-Kaltim dan Sarawak-Kalbar di Borneo. Perlaksanaan Claret sebagai satu bentuk tindakan strategi dan pertahanan Malaysia di sempadan Kalimantan di Borneo. Operasi Claret adalah satu bentuk strategi pertahanan ketenteraan Malaysia. Menurut Sawyer, hina telah menghasilkan sebanyak tujuh buah buku seperti yang membincangkan hal-hal ketenteraan dan peperangan (Ralph, 2007). Perang gerila menjadi satu kelebihan dalam negara yang sedang menghadapi konflik dalam abad ini berbanding beberapa abad yang lepas dan dalam abad ini ianya menjadi perhatian dalam teori ketenteraan negara-negara barat walaupun tindakan bersenjata oleh kuasa-kuasa kecil sering terjadi ketika zaman awal (Hart, 1991). Perang gerila dan konflik masa hadapan sebagai jenis perang baru yang semakin terkenal di dalam dunia kontemporari masa ini. Budaya dalam era 1970-1n ini menyatakan berlakunya aktiviti pemberontakkan utama yang berubah daripada peperangan gerila di kawasan terpencil kepada keganasan di kawasan bandar dan kembali semula menjadi peperangan di kawasan terpencil beberapa tahun kemudian selama satu dekad.

Lumrah setiap seri pertempuran dalam perang ia perlu melibatkan operasi ketenteraan. Oleh itu dalam situasi genting Konfrontasi di Borneo, Operasi Claret di turut meletakkan objeknya yang tersendiri untuk mencapai kejayaan. Salah satu, objektif utama Operasi Claret ialah sebagai respond dari tindakan subversif Tentera Indonesia ke atas wilayah berdaulat Malaysia di Borneo. Selain itu, kedua, Operasi Claret juga sebagai satu dasar ofensif (menyerang) Malaysia kepada Subversif Tentera Indonesia yang sebelumnya menunjukkan Malaysia lebih bertahan (defensif). Seterusnya, ketiga, Operasi Claret tidak bertujuan untuk berperang dengan Indonesia sebaliknya hanya difokuskan untuk memusnahkan kem tentera yang menempatkan tentera Indonesia di kawasan strategik di sempadan Borneo sahaja tanpa melibatkan pihak awam.

Sabah dan Sarawak merupakan wilayah Malaysia selepas 16 September 1963 (James Ongkili, 1967). British memenuhi janjinya dalam perjanjian pertahanan dengan Malaysia *Anglo Malaya Defence Agreement* (AMDA) 1957 dan *Anglo Malaysia Defence Agreement* (AMDA) 1963 (Chin, 1983). Operasi Claret adalah satu kebijaksanaan bentuk strategi dan pertahanan Malaysia di Borneo (Tuck, 2013). Malaysia bertahan dan

turut menyerang Indonesia di Kalimantan sekitar tahun (1964-1966). Pertahanan dan serangan hanya untuk mempertahankan kedaulatan wilayah Malaysia di Borneo (Sabah dan Sarawak) termasuk wilayah naungan British Brunei. Operasi Claret ini adalah operasi ketenteraan Malaysia dalam berdepan dengan ancaman ketenteraan Indonesia terhadap Malaysia 1963-1966 (Poccok, 2013).

Operasi Claret dirangkah khusus untuk mengatasi ancaman pencerobohan di wilayah Malaysia dan Brunei Darussalam. Operasi Claret perlu dibentuk respond kepada tindakan subversif Indonesia dirangkah khas oleh General Sir Walter Walker (Poccok, 2013; Roy Davis Linville Jumper, 2001 Yeow Tong Chia, 2005). Operasi ketenteraan ini dirahsiakan kerahsiaannya dan tidak diumumkan sehingga tahun 1974. Manakala Australia turut mengakui penglibatkannya dalam Operasi Claret pada tahun 1966. Operasi Claret adalah satu kebijaksaan dalam strategi dan pertahanan ketenteraan buat Malaysia dan Brunei Darussalam yang diselaraskan untuk berdepan dasar Ganyang Malaysia dan subversif di Borneo yang menghitung pertimbangan yang tinggi bertindak sesuai dengan situasi dan keadaan ketika itu.

Konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia kian genting pada pertengahan tahun 1964-1966 (Gregorian, 1996). Malaysia telah mendesak British untuk merencanakan satu bentuk taktik dan strategi pertahanan yang lebih praktikal bagi membendung penyusupan Tentera Indonesia di wilayah Malaysia di Borneo. Operasi Claret telah direncanakan sebagai tindak balas dari tindakan penyusupan Tentera Indonesia ke wilayah Malaysia khususnya di Borneo (Peter, 1991). 'Claret' adalah kod rahsia nama bagi operasi lintas batas yang dilakukan oleh tentera Komanwel di Kaltim, Indonesia menjangkui sempadan Sabah-Kaltim dan Sarawak-Kalbar (Mad Ali @ Abang, 2021; Mad Ali @ Abang, 2012). Keperluan untuk operasi ini mula dilaksanakan setelah pembentukan Malaysia ketika British dan Malaysia telah kritis dan menyedari bahawa operasi hanya pada sisi Malaysia sempadan mereka sahaja dan membiarkan Indonesia untuk merebut dan memegang inisiatif.

Menyedari akan hal tersebut, satu usaha untuk mengatasi hal ini memungkinkan suatu strategi penyerangan sehingga mencapai jarak 2,000 meter ke dalam wilayah Indonesia. Dalam satu keadaan yang lain memberarkan tentera untuk mengejar musuh sampai jarak yang sama serta menggunakan mortar dan tembakan meriam memberikan ancaman kepada kedudukan Tentera Indonesia telah dirangka dengan begitu teliti. Operasi Claret ini diletakkan dibahu Mejar General Walter Walker merangkap Komander, General Sir Walter Walker telah diberi kuasa untuk melakukan operasi merentasi sempadan sehingga sejauh 5,000 meter di sempadan Kaltim, Indonesia (Flower, 2006; van der Bilj, 2007; Mad Ali @ Abang, 2021)

Operasi Claret ini adalah bertujuan untuk menyerang kedudukan Tentera Indonesia di kawasan sempadan yang menjadi pos penempatan Tentera Indonesia bergerak menuju sempadan Sabah. Pada akhir tahun 1964 General Walker telah mengaturgerakkan lapan belas pasukan termasuk lapan Tentera Ghurkha dan dua pasukan *Royal Marine Commando* dan tiga batalion Malaysia di Kalimantan. Menjelang akhir tahun Walker mengarahkan agar melanjutkan operasinya sejauh 10,000 meter ke sempadan Indonesia. Pada satu tahap operasi 4 RAR telah berada di bawah komando tiga (3) Rifle Ghurkha 2/7. Pada bulan Jun-Julai 1966 pasukan ini sangat sibuk dalam Operasi *Double Cross* yang untuk melawan serangan Tentera Indonesia ke dalam wilayah operasi tentera Komenwel di Sarawak. Operasi Claret tetap *secret* untuk tiga puluh tahun dan tidak ada ahli unit pernah bercakap tentang hal itu sampai larangan itu dicabut.

Operasi Claret turut dikenali sebagai *Golden Rules* (Gregorian, 1996; Peter, 1991; Flower, 2006; Nick van ber Bilj, 2007) Dalam Operasi Claret Perkara penting yang menjadi keutamaan yang perlu dipatuhi oleh setiap anggota tentera yang terlibat adalah seperti mana berikut; Operasi ini khusus untuk mengekang dan memusnahkan kem Tentera Indonesia di Kaltim, Indonesia. Pada Jun hingga Julai terdapat laporan serangan besar ke atas Sarawak oleh Pasukan Khusus Indonesia Rejimen Pasukan Khusus Angkatan Darat (RPKAD). Pasukan RPKAD ini sangat cekap dan telah terlatih di bawah Komando Belanda ketika Indonesia berada di bawah penguasaan Belanda. Pada awal September 1966 sebuah penyelesaian politik semua antara Malaysia dan Indonesia dan pasukan 4 RAR ditarik kembali ke Markasnya di Kem Terendak, Negeri Sembilan. Batalion tersebut lebih menumpukan pada peranan Perang Konvensional sebagai sebahagian daripada Brigade 28 Komanwel (Greorian, 1996).

## 2. Tentera Australia Di Sarawak Dan Sabah, 1964-1966

Tentera Australia juga terlibat dalam membantu memperkuatkan pertahanan Malaysia khususnya kawasan sempadan Sarawak-Kalbar dan sempadan Sabah-Kaltim. Namun tidak semua tentera Australia terlibat dalam Operasi Claret di Borneo. Hal ini mengikut keperluan dan kesesuaian terhadap situasi genting di sempadan. Hanya pasukan terpilih sahaja yang turut serta membantu pertahanan Malaysia di Borneo. Pasukan itu terdiri daripada 3rd Battalion, Royal Australian Regiment dan 4rd Battalion, Royal Australian Regiment. Selain tentera British dan tentera gurkha tentera Australia diantara tentera yang membantu Malaysia dalam Operasi Claret di Borneo (Smith, 1991; Subritzky, 2000; Flower, 2006; van der Bijl, 2007). Sokongan dari Australia ini turut diakui oleh pemimpin tertinggi Australia sendiri. Australia tetap sokong Malaysia. Enam Kapal Perang akan bergerak dari Australia menuju Malaysia khususnya di Borneo. Menteri Luar Australia, Sir Garfield Barwick, yang berangkat untuk menghadiri persidangan-persidangan ECAFE di Manila menyatakan bahawa Australia sekali lagi menyatakan kepercayaannya kepada Malaysia ia sebaik-baik jalan untuk diikuti oleh wilayah-wilayah Borneo itu demi kepentingan nasib mereka di masa depan (Peter, D & Grey. J 1996; van der Bijl, 2007).

## 3. Batalion Ke-3 RAF

Pada tahun 1945 Australia menghantar tiga unit ke Jepun sebagai sebahagian daripada pasukan kerjasama Komanwel Inggeris (BCOF). Didahuluikan dikenali sebagai Batalion Infantri ke 65, 66 dan 67, kemudian dibesarkan dari bahagian Australia yang ditempatkan di New Guinea pada akhir Perang Dunia Kedua. Pada 23 November 1948, batalion telah dinamakan semula Batalion 1, 2, dan 3, Rejimen Australia. Awalan "Diraja" diberikan oleh Raja George VI pada 31 Mac 1949. Batalion ke-3, Rejimen Diraja Australia (3RAR), memulakan ke Malaya pada Julai 1963. Lawatan pertama adalah semasa Kecemasan Tanah Melayu pada tahun 1957. Batalion menyertai Briged Infantri Komanwel ke-28 di Terendak, berhampiran Melaka, di tanah besar Malaysia. Briged ke-28 adalah sebahagian daripada perikatan yang lebih besar yang dikenali sebagai Rizab Strategik Jauh Timur Komanwel (FESR) British Commonwealth. Batalion yang dilatih untuk operasi anti-pengganas. Pada bulan Februari 1964 ia telah digunakan untuk pencarian di sempadan Thai-Malayan. Batalion ini juga digunakan dalam operasi pembersihan berikutan serangan amfibia dan payung api oleh tentera Indonesia pada bulan September dan Oktober.

Pada mulanya, kerajaan Australia menyekat aktiviti 3RAR. Pada bulan Januari 1965, batalion telah diberi pelepasan untuk dihantar ke Borneo, disebabkan peningkatan tindakan subversif Indonesia ke atas wilayah Malaysia di Borneo (PRO FO 953/2176). Batalion secara rasmi mengambil alih dari Gurkah pada 1/7 pada 22 Mac 1965 dan menyertai Briged Barat. Ibu pejabat Batalion ditempatkan di Bau. Tiga daripada empat syarikat senapang itu telah dilancarkan ke hadapan untuk menutup kawasan sempadan, dengan syarikat keempat yang tersisa di rizab di Bau. 3RAR menjalankan operasi di kedua-dua belah sempadan. Operasi rentas sempadan adalah kod yang bernama "Claret". Sifat sebenar operasi ini tidak didedahkan kepada orang ramai sehingga tahun 1974 (Mad Ali @ Abang, 2021).

Batalion 3 RAR telah ditugaskan menjalankan operasi Claret selama empat bulan di Borneo. Operasi ini jarang menyebabkan hubungan musuh. Aktiviti Indonesia adalah berskala kecil dan bertujuan untuk menghadapi atau mencabar dan bukannya menyerang. Mortikan berat pangkalan keselamatan yang berkala adalah lebih lazim daripada hubungan musuh langsung. Terdapat empat pertempuran utama berlaku dalam Operasi Claret, kesemua serangan hendap platon. Yang pertama berlaku pada 27 Mei dan merupakan serangan hendap dari empat kapal Indonesia di Sungai Koemba. Halangan yang lain berlaku di tebing sungai yang sama pada 12 Jun (van der Bijl, 2007).

Pada 15 Jun, serangan hendap sekumpulan antara lima puluh dan lapan orang Indonesia berlaku berhampiran sempadan. Hitungan itu telah dibacakan dan dirancang secara terperinci dan platon telah disediakan dalam tempoh tiga hari sebelum orang Indonesia muncul, menunjukkan disiplin dan kesabaran batalion. Hubungan utama keempat berlaku pada 12 Julai. Pada kesempatan ini tentera Indonesia memberikan respon dengan tindakan tentera Indonesia menyerangan balas. Platon memerlukan api artileri untuk memecahkan hubungan dan sebagai pertahanan diri. Operasi 3 RAR di Borneo telah berakhir pada 28 Julai,

ketika kembali ke Kem Terendak dan kemudiannya berlepas ke Australia pada bulan Oktober batalion 4 RAF.

#### 4. Batalion Ke- 4 RAF

Batalion ke-4, Rejimen Diraja Australia (4 RAR), dibangkitkan di Woodside pada 1 Februari 1964. Ia adalah batalion infanteri biasa yang pertama yang akan dibesarkan di Australia dan lawatannya semasa Konfrontasi Indonesia adalah perkhidmatan pertama di luar negara batalion. Batalion pertama yang menggunakan perkhidmatan anggota kebangsaan untuk operasi. 4RAR tiba di Terendak, Malaya, pada 9 September 1965. Ia menjalankan latihan dan latihan familiarization sebelum disebarluaskan ke Borneo pada April 1966. Ibu pejabat Batalion ditempatkan di Bau dan batalion yang dikendalikan dari empat pangkalan kompeni yang diperkuat di kawasan sekitarnya. Batalion 4 RAR telah diaturgerakkan dalam operasi di kedua-dua belah sempadan. Operasi ini sebahagian besarnya bertujuan untuk mencari pasukan Indonesia dan mengecilkan serangan ke wilayah Indonesia (van der Bijl, 2007). Operasi melibatkan rondaan, merampas, atau menangkap bahan yang terdapat di tapak perkhemahan. Batalion 4 RAR juga menjalankan kempen menangi "hati dan minda" untuk mendapatkan keyakinan dan kepercayaan orang-orang Cina luar bandar, yang boleh memberikan maklumat mengenai pergerakan Indonesia. Selain itu, orang Cina cenderung untuk menawarkan bantuan kepada orang Indonesia akibat kempen ini.

Operasi ini dikenali sebagai operasi rentas sempadan adalah kod yang bernama "Claret" dan merupakan fokus strategi batalion 4 RAR di Indonesia (Peter, 1991). Perundingan damai telah menjelaskan tujuan operasi dan batalion 4 RAR menjalankan operasi peninjauan dan pengawasan, bukannya misi yang menyenggung perasaan. Operasi Claret jarang menyebabkan hubungan musuh. Kegiatan Indonesia berskala kecil dan bertujuan untuk menghadapi atau mencabar, daripada memprovokasi, perang terbuka. Akibatnya, mortaliti berkala berat pangkalan keselamatan lebih lazim daripada hubungan musuh langsung. Pada 11 Ogos, 1966 menandatangani perjanjian damai antara Malaysia dan Indonesia secara rasmi mengakhiri konflik (Nik Mahmud, 2000; Muniandi, 1996). Unit Komanwel British diperintahkan untuk menghentikan operasi di Borneo pada keesokan harinya. Batalion 4 RAR diarah meninggalkan Borneo untuk menuju Terendak pada 30 Ogos. Pada 2 September, batalion itu diserahkan kepada Renjer Malaysian yang ke-3. Ia menjalankan latihan di Malaysia dan kemudiannya kembali ke Australia dari Ogos 1967. Batalion ini secara rasmi diserahkan kepada pasukan 8 RAR pada 16 Oktober 1967.

#### Kesimpulan

Realitinya, bantuan ketenteraan dari Australia dalam konteks penelitian ini sesuai dengan kesepakatan yang telah termaktub dalam ikatan perjanjian AMDA (1957 dan 1963) bagi menjamin pertahanan dan keselamatan Malaysia seandainya diserang dari pihak luar. Konfrontasi itu sendiri merupakan satu bentuk serangan luar ke atas Malaysia yang dominan berlaku di wilayah sempadan Sarawak-Kalbar dan sempadan Sabah-Kaltim. Selain dari British, Australia juga merupakan salah satu negara dalam AMDA telah memberikan bantuan ketenteraan kepada Malaysia dalam menangani ancaman pencerobohan tentera Indonesia di wilayah sempadan Malaysia. Perihal pentingnya, penglibatan tentera Australia membantu pertahanan Malaysia di Borneo tidaklah dapat dinafikan. Oleh itu, jasa dan bakti tentera Australia ini tidak boleh diketepikan dalam lipatan 'sejarah ketenteraan Malaysia'. Kelangsungan kerjasama ketenteraan melibatkan Australia dan Malaysia tidak hanya terhenti pada era Konfrontasi sahaja, malah ianya terus dilanjutkan dalam aspek pertahanan di bawah *Five Power Defence Agreement* (FPDA) pada tahun 1971 hingga kini.

**Penghargaan:** Kajian ini adalah atas bantuan Geran Penyelidikan Pascasiswazah UMSgreat 18 Bulan (2018-2020): RM 7,000.00 yang diberikan oleh Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI) Universiti Malaysia Sabah (UMS).

**Konflik Kepentingan:** Pengarang mengisyiharkan tiada konflik kepentingan.

## Rujukan

- Chandran, J. (1980). *Malaysia defence policy a study in parliamentary attitudes 1963-1973*. Institut of Southeast Asian Studies.
- Chin, K.W. (1983). *The defence of Malaysia of Singapore*. Cambridge University.
- Dahana, A. (2002). *China dan Malaysia dalam arena Perang Dingin 1949-74*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- David, E. (2004). *Britain and the confrontation with Indonesia, 1960-1966*. Tauris Academic Studies.
- David, H.(2008). The Australian army and Indonesia's Confrontation with Malaysia. *Australian Outlook*. 43(1), 61-76.
- Douglas, H. (1965). *Confrontation in the east*. The Bodley Head.
- Fowler, W. (2006). *Britain's secret war the Indonesian Confrontation 1962–66*. Osprey Publishing.
- Gregorian, R. (1991). Claret operations and Confrontation, 1964-1966. *Journal of Conflict Studies*, 11(1).
- Gullick, J. M. (1967). *Malaysia and its neighbours's*. Routledge Kegan & Paul.
- Hart, B, H, L. (1991). *Strategy Meridian*. A Meridian Book.
- Hussin, A. A. (2022). *Peristiwa tenang era Konfrontasi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jackson, R. (2008). *The Malayan emergency & Indonesia confrontation the war Commonwealth's wars 1948-1966*. Pen & Sword.
- Lyon, P. (1972). Strategy and South Asia: Twenty-five years on. *International Journal*, 27(3), <https://doi.org/10.1177/002070207202700301>
- Mackie J. A. C. (1975). *Konfrontasi: The Indonesian Malaysia dispute 1963-1966*. Oxford University.
- Mad Ali @ Abang, A.R. (2008). *Pertempuran Kalabakan 29 Disember, 1963*. [Latihan Ilmiah, Universiti Malaysia Sabah].
- Mad Ali @ Abang, A.R. (2012). Konflik bersenjata di sempadan Sabah-Kalimantan Timur semasa era konfrontasi Indonesia-Malaysia, 1963-1966. [Tesis sarjana, Universiti Malaysia Sabah].
- Mad Ali @ Abang, A.R. (2021). *Dasar dan tindak balas ketenteraan British di Sarawak dan Sabah sebelum dan semasa Konfrontasi Indonesia-Malaysia, 1961-1966*. [Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaysia Sabah].
- McKay, G (1999). *SAS on patrol with the sleeping with your ears open*. Allen & Unwin.
- Muniandy, K. (1996). *Konfrontasi Indonesia-Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nick van der Bijl. (2007). *The confrontation with Indonesia 1963-1966*. Pen Swort.
- Nik Mahmud, N. A (2000). *Konfrontasi Indonesia Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Peter, D. (1991). *The 22 SAS jungle frontier 22 special air service regiment in the Borneo campaign 1963-1966*. Arms and Armour.
- Peter, D., Jeffrey, G., Ewan, M., Robin, P., & Jean Bou. (1995). *The oxford companion to Australian military history*. Oxford University Press.
- Peter, D., & Grey, J (1996). *Emergency and Confrontation: Australian military operations in Malaya and Borneo 1950–1966, the official history of Australia's involvement in Southeast Asian Conflicts*. Allen and Unwin.
- Peter, D., & Jeffrey, G. (1996). *Emergency and Confrontation*. Allen and Unwin.
- Poccok, T (2013). *Fighting general the public and private campaigns of General Sir Walter Walker*. Collins.
- PRO FO 953/2176. (1964). Counter subversion committee record of meeting held on February 11, 1964, in the Commonwealth Relations Office.' 15, 4 Februari.
- Ralph D. S. (2007). *The seven military classics of Ancient China*. Basic Books.
- Roy Davis Linville Jumper. (2000). *Death waits in the "Dark" the Senoi Praaq, Malaysia's killer elite*. Greenwood Press.
- Simandjuntak, B. (1985). *Federlisme Tanah Melayu 1945-1963*. Penerbit Fajar Bakti.
- Smith, E. D. (1985). *Quater-insurgency operation 1: Malaya and Borneo*. Ian Allen, Shepperton.
- Subritzky, J. (2000). *Confronting Sukarno British, American, Australian and New Zealand diplomacy in the Malaysia-Indonesian confrontation, 1961-5*. Macmillan Press Ltd.

- Tuck, C. (2013). *Confrontation strategy and war termination Britain's conflict with Indonesia*. Routledge.
- Walker, Walter. (1969). How Borneo was won. *The round table. The Commonwealth Journal of International Affairs*, 59, 233, 9-20. <http://doi.org/10.1080/00358536908452781>